

29/06/1997

TNB rancang talian Semenanjung, Sumatera

MELAKA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) merancang untuk menyambung talian bekalan elektrik di antara Semenanjung dan Sumatera melalui cadangan projek pembinaan jambatan merentangi Selat Melaka yang menghubungkan Malaysia dan Indonesia.

Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata ini antara sebahagian projek bekalan elektrik yang saling menyambung di antara negara-negara Asean.

Berikutan itu, katanya, sambungan bekalan elektrik di antara Semenanjung dan Sumatera adalah antara perkara yang akan dikaji oleh juru perunding yang dilantik kerajaan bagi menjalankan kajian kemungkinan pembinaan jambatan berkenaan.

"Jika kajian kemungkinan ini didapati sesuai, kabel saluran bekalan elektrik akan dipasang di sepanjang jambatan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melakukan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin di Ayer Keroh, dekat sini semalam.

Menurutnya, projek ini sama dengan yang dilaksanakan oleh TNB di jambatan Pulau Pinang.

Pada 15 Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia dan Indonesia merancang membina sebuah jambatan yang merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung dan Sumatera.

Perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri kepada wartawan, selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto di Istanbul, sempena menghadiri Sidang Puncak Pertama Lapan Negara Membangun (D8).

Idea awal pembinaan jambatan itu juga dipersetujui dalam pertemuan kedua-dua pemimpin di Kuala Lumpur pada Oktober lalu, bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan komunikasi pengangkutan darat kedua-dua negara.

Mengenai penswastaaan Lembaga Letrik Sabah (LLS), Dr Ahmad Tajuddin berkata, Mohd Yatim Yunus sudah dilantik sebagai ketua pasukan dari TNB untuk mengendalikan pengurusan LLS dalam tempoh peralihan ini.

Katanya, jika segalanya berjalan lancar, penswastaaan LLS dapat disiapkan akhir tahun ini.

Mengenai pertemuan dengan Abu Zahar, Dr Ahmad Tajuddin berkata, beliau memaklumkan projek yang dijalankan oleh TNB di Melaka, iaitu peruntukan RM203 juta tahun ini dan RM225 juta tahun depan bagi projek bekalan baru serta pengukuhan sistem bekalan yang ada.

"Antara projek yang sudah disiapkan ialah pembinaan pencawang masuk utama di Batu Berendam bernilai RM70 juta bagi menampung keperluan perindustrian itu dan kawasan sekitarnya," katanya.

Selain itu, katanya, TNB sedang membina pencawang masuk di Jasin serta Teluk Mas yang setiap satu bernilai RM25 juta dan dijangka beberapa bulan lagi.

Beliau berkata, TNB juga merancang membangunkan semula tanahnya di Jalan Kilang di bandar ini dengan pembangunan bercampur dengan kuarters yang ada akan dipindahkan.

"Projek ini akan dijalankan oleh anak syarikat TNB iaitu Tenaga Nasional Property dan kajian pembangunan di tanah ini yang seluas kira-kira 4 hektar sedang dijalankan," katanya.

(END)